

Publication	Utusan Malaysia	Section /Page No.	Megarona / Pg.26
Date	Fri, 28th Oct 2016	Lead Article	No
Headline	Online Best Tarikan Buat Usahawan		

Online Best tarikan buat usahawan

NAMA Online Best 2016, kini mula diperkata dalam kalangan usahawan-usahawan *online* di Malaysia.

Sejak dilancarkan pada 20 Disember tahun lalu, Online Best 2016 kini menjadi tarikan utama buat usahawan yang baru hendak menceburkan diri dalam perniagaan *online*, juga mereka yang sudah pun berada dalam industri tersebut.

Menurut Setiausaha Kehormat, merangkap Ketua Jawatankuasa PUAS (Pembangunan Usahawan Angkatan Strategik), Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) cawangan WP Putrajaya, **Datuk Jamal Mohd. Amin**, Online Best 2016 ini adalah satu inisiatif DPMM Putrajaya bertujuan supaya lebih ramai usahawan bumiputera generasi baru dapat dilahirkan

dan dibangunkan. Ia juga seiring dengan ciri-ciri keusahawanan yang mampan dan berdaya saing, serta tabah dan kental untuk menghadapi gelombang globalisasi yang sedang dihadapi.

"Kita berharap agar para usahawan terutama usahawan *online* akan terus hidup, berdaya saing dan maju selepas tahun 2020 nanti, menjadi antara penyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

"Kriteria utama yang akan menentukan kejayaan program ini adalah dari sistem pemantauan dan pelaporan perkembangan para usahawan *online* dalam Online Best 2016 tersebut. Objektif kami adalah untuk menyediakan ekosistem perniagaan yang komprehensif dan lengkap kepada usahawan-usahawan dalam satu sistem,"



katanya pada majlis pelancaran program berkenaan di Bangi, Selangor, baru-baru ini.

Online Best 2016 merupakan satu projek DPMM Putrajaya dengan kerjasama Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) dan Institut Keusahawanan Negara (Insken).

"Saya mengucapkan setinggi-

tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Teraju dan Insken kerana memberi kepercayaan kepada kami untuk melaksanakan program pembangunan keusahawanan ini. Program Online Best 2016 ini akan berjalan selama setahun, dengan sasaran seramai 300 usahawan *online* yang dibahagikan kepada tiga kategori iaitu *Junior Rookie*, *Senior Rookie* dan *Advance*.

"DPMM Putrajaya mahu bakal usahawan yang dilahirkan ini nanti tidak hanya berlumba-lumba mengejar keuntungan dan kekayaan di dunia semata-mata. Sebaliknya, mereka haruslah faham tentang tujuan berniaga malahan tujuan hidup itu sendiri," katanya.

Pada majlis yang sama turut dilancarkan Unitimart.Com iaitu portal *online shop* yang ditubuhkan oleh Koperasi Kolej UNITI Berhad bersama Pusat Keusahawanan Kolej UNITI bertujuan untuk melatih dan menerapkan ilmu-ilmu keusahawanan kepada pelajar-pelajar Kolej UNITI dalam mengendalikan perniagaan dan menjadi usahawan sebenar terutamanya usahawan *online*.



SEBAHAGIAN orang ramai yang mengunjungi pusat Online Best 2016, ketika majlis pelancarannya di Bangi, Selangor, baru-baru ini.